

NO. SOALAN: 36

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN NG WEI AIK [TANJONG]**

**TARIKH : 7 NOVEMBER 2017**

**RUJUKAN : 10306**

**SOALAN :**

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan sama ada pihak polis akan memberi bantuan kepada negara Inbeliau untuk mengenal pasti di mana tersembunyinya Zakir Naik, seorang yang dikehendaki oleh Kerajaan Negara Inbeliau di Malaysia serta mengambil tindakan penangkapan terhadapnya.**

79

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan tidak menerima sebarang permintaan rasmi sama ada permintaan *Mutual Legal Assistance* (MLA) atau Permintaan Ekstradisi daripada Kerajaan Inbeliau berhubung dengan dakwaan terhadap Zakir Naik.

Penceramah Zakir Naik memasuki dan keluar dari Malaysia secara sah. Sepanjang keberadaannya di Malaysia, beliau tidak melanggar apa-apa undang-undang dan peraturan negara. Beliau juga tidak tersenarai di dalam *Database INTERPOL Red Notice*. Oleh yang demikian, Kerajaan tiada alasan untuk menahan dan menangkapnya daripada segi perundangan.

Sebarang permintaan ekstradisi terhadap Dr. Zakir Naik hanya boleh dipertimbangkan ketika beliau berada di dalam Malaysia. Sekiranya beliau berada di negara lain, Kerajaan India perlu mengemukakannya kepada negara yang sedang dikunjungi oleh penceramah tersebut.